**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

# KERATAN AKHBAR
## 18 JULAI 2017 (SELASA)

| AKHBAR | MUKA SURAT |
|---|---|
| **Sinar Harian** | |
| - MBSA terawal laksana kaedah SPAH | 38 |

**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

| KERATAN AKHBAR<br>18 JULAI 2017 (SELASA) | |
|---|---|
| Akhbar | Sinar Harian |
| Tajuk Berita | MBSA terawal laksana kaedah SPAH |
| Muka Surat | 38 |



HUBUNGI SKUAD SENTRAL MOHD FAHMI ISMAIL - 019-3310021, NORAFIZA JAAFAR - 019-6680258, HIDAYAH HAIROM - 019 - 6680261

# MBSA terawal laksana kaedah SPAH

SH 18/7/17 MS 38

**SHAH ALAM** - Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) antara Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Selangor yang mengorak langkah awal melaksanakan sistem penuaian air hujan (SPAH) sebagai langkah penjimatan ke atas penggunaan air terawat.

Ketua Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam MBSA, Shahrin Ahmad berkata, sistem tersebut sudah dilaksanakan di tandas awam Taman Lembah Bukit SUK di Seksyen 5, di sini sejak 2014.

"Pada masa sama, pihak majlis turut membantu Badan Bukan Kerajaan (NGO) iaitu surau di Seksyen 3 bagi pelaksanaan sistem itu melalui program Zon Bersih.

"Terdapat juga pemaju perumahan yang mengamalkan sistem SPAH ini di kawasan projek pembangunan mereka, contohnya di Ken Rimba, Seksyen 16," katanya ketika dihubungi *Sinar Harian*, semalam.

Menurutnya, pelaksanaan sistem SPAH di kawasan pentadbiran MBSA adalah bukti pihak majlis menyokong cadangan yang diusulkan oleh kerajaan negeri dalam usaha menjimatkan penggunaan air terawat.

"Ia juga selari dengan program inisiatif hijau yang digerakkan majlis selaras dengan matlamat menjadikan Shah Alam sebagai bandar raya rendah karbon menjelang 2030," katanya.

Sementara itu, orang ramai yang ditemui memuji langkah yang dilakukan MBSA sebagai menyahut seruan kerajaan negeri itu.

Kakitangan swasta, Anuar Alias, 45, berkata, PBT lain perlu mengambil langkah yang sama seperti mana MBSA dalam usaha menjimatkan air yang terawat.

"Belum terlambat untuk PBT lain melaksanakan sistem ini memandangkan air terawat dijangkakan akan berkurangan menjelang puluhan tahun lagi," katanya.




Laporan Sinar Harian semalam.



ANUAR

Bagi Allison Lai, 34, bukan sahaja PBT, malah pemaju perumahan juga harus melaksanakan sistem ini yang dilihat berkesan untuk mengurangkan penggunaan air terawat.

"Negara kita mempunyai purata hujan yang tinggi setiap tahun, menjadi satu kerugian jika ia tidak dipraktikkan.

"Negara maju lain sudah lama mengamalkan sistem ini, jadi saya sarankan semua PBT mengambil pendekatan yang serupa," katanya.



ALLISON